

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMERIKSAAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN PELAJAR SISWAZAH (MELALUI PENYELIDIKAN)**

### **1.0 Pendahuluan**

- 1.1 Garis Panduan ini adalah sebagai panduan dalam pelaksanaan pemeriksaan tesis dan peperiksaan lisan pelajar siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) secara penyelidikan.
- 1.2 Pelajar siswazah (melalui penyelidikan) perlu melalui dua (2) jenis peperiksaan utama iaitu penilaian tesis dan peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan yang dilantik.

### **2.0 Pencalonan Pemeriksa dan Pengerusi**

- 2.1 Penyelia Utama calon adalah bertanggungjawab untuk mencalonkan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar bagi tujuan pemeriksaan tesis dan peperiksaan lisan.
- 2.2 Pencalonan Pengerusi pula hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti.
- 2.3 Setiap pencalonan hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti serta disahkan oleh Dekan fakulti berkenaan sebelum diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS).
- 2.4 Pelantikan Pengerusi dan Pemeriksa Dalam akan dibuat oleh PPS setelah mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Penyelaras Siswazah (JPS).
- 2.5 Pencalonan Pemeriksa Luar pula akan dibawa ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Pengajian Akademik Siswazah Universiti (JAPSU). PPS akan mengeluarkan surat lantikan Pemeriksa Luar sekiranya cadangan nama tersebut diluluskan oleh Senat.
- 2.6 Setiap ahli yang bersetuju menerima perlantikan sebagai Pemeriksa (Pemeriksa Dalam dan Luar) akan diberi satu (1) salinan tesis pelajar.

### **3.0 Komposisi Ahli Jawatankuasa Pemeriksa**

#### **3.1 Pelajar Sarjana**

Bagi pelajar Sarjana, Ahli Jawatankuasa Pemeriksa perlulah sekurang-kurangnya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

#### **3.2 Pelajar Doktor Falsafah**

Bagi pelajar Doktor Falsafah, Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

#### **4.0 Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pemeriksa**

4.1 Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah dilantik oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan cadangan dari fakulti yang berkaitan dan setelah diluluskan oleh Senat UniSZA.

##### **4.2 Pelantikan**

###### **4.2.1 Pengerusi**

- i. Pengerusi viva voce mestilah setaraf atau lebih tinggi daripada Pemeriksa Luar;
- ii. Kakitangan akademik yang berpengalaman dalam menyelia pelajar siswazah serta pernah memeriksa tesis pelajar siswazah;
- iii. Kakitangan akademik fakulti di mana pelajar tersebut berdaftar;
- iv. Berkeupayaan untuk bertindak sebagai moderator bagi memastikan peperiksaan akhir pelajar berjalan dengan lancar;
- v. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi Peperiksaan Lisan adalah sepetimana **Lampiran 1**.

###### **4.2.2 Pemeriksa Luar**

- i) Kakitangan akademik daripada Institusi Pengajian Tinggi Luar daripada UniSZA;
- ii) Mempunyai penerbitan terkini dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan;
- iii) Tidak pernah menjalankan kerjasama dalam penyelidikan terutamanya yang melibatkan ahli Jawatankuasa Penyeliaan pelajar berkenaan;
- iv) CV perlu mengandungi maklumat terkini dan mengikut format sepetimana yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah;
- v) Tugas dan tanggungjawab Pemeriksa adalah sepetimana **Lampiran 2**.

###### **4.2.3 Pemeriksa Dalam**

- i. Kakitangan akademik atau penyelidik yang berkelayakan dan pakar di dalam bidang penulisan tesis yang akan diperiksa;
- ii. Kalangan Profesor, Profesor Madya, pensyarah atau penyelidik yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah atau setara dan aktif menjalankan penyelidikan dan penulisan dalam bidang berkaitan;

- iii. Mempunyai pengalaman menyelia pelajar siswazah sebagai Penyelia Utama / Penyelia Bersama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan;
  - iv. Tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan pelajar atau penyelia pelajar yang berkenaan. Pengesahan perlu dibuat melalui Borang Akuan Tidak Mempunyai Pertalian Keluarga;
  - v. Tugas dan tanggungjawab Pemeriksa adalah seperti mana **Lampiran 2**.
- 4.3 Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah setelah cadangan nama Pemeriksa Luar oleh Penyelia mendapat sokongan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Akademik Siswazah Universiti (JAPSU) serta diluluskan oleh Senat.

## 5.0 Honorarium

- 5.1 Pengerusi viva voce yang dilantik tidak akan diberi apa-apa bayaran honorarium.
- 5.2 Pemeriksa Luar bagi pelajar Sarjana akan dibayar RM 500.00 dan bagi pelajar Doktor Falsafah akan dibayar RM 750.00 bagi setiap tesis yang diperiksa.
- 5.3 Pemeriksa Dalam bagi pelajar Sarjana akan dibayar RM 400.00 dan bagi pelajar Doktor Falsafah akan dibayar RM 500.00 bagi setiap tesis yang diperiksa.

## 6.0 Jangkamasa Semakan Tesis

Pemeriksa yang dilantik bagi menilai tesis pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah adalah diberi tempoh sehingga dua (2) bulan dari tarikh pelantikan dan penyerahan tesis untuk memberi laporan penilaian.

## 7.0 Laporan Penilaian Peperiksaan

- 7.1 Laporan penilaian perlulah berpandukan kepada Panduan Pemeriksaan Tesis UniSZA-PT01-PK02-GP006.
- 7.2 Laporan yang dibuat oleh Pemeriksa perlu mempunyai kesimpulan dan perakuan mengikut salah satu status berikut:

<b>Keputusan Outcomes</b>	<b>Garis panduan untuk membuat keputusan Guidelines for Outcomes</b>
<b>Lulus Tanpa Pembetulan <i>Pass Without Corrections</i></b>	<p>Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/ Master'sDegree.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b> <b><i>This decision is made if the thesis:</i></b></p> <p>Tidak memerlukan pembetulan. <i>Does not require any correction.</i></p> <p>Tesis perlu dihantar dalam jangka masa 1 bulan <i>Thesis need to be submitted within 1 month.</i></p>

<p><b>Lulus dengan pembetulan kecil</b> <b><i>Pass with Minor Corrections</i></b></p>	<p><b>Lulus dengan Pembetulan Kecil.</b> <b><i>Pass with Minor Corrections.</i></b></p> <p>Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana tertakluk kepada pembetulan kepada tesis seperti yang dinyatakan dalam Laporan Pemeriksaan Tesis.  <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/ Master's degree subject to corrections to the thesis as stated in the Thesis Examination Report.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b>  <b>This decision is made if the thesis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual dan rajah, pembetulan tata bahasa, ejaan, kesilapan menaip dan lain-lain;  <i>Requires minor editing of text, formatting of tables and diagrams, corrections of grammar, spelling, typographical conventions etcetera;</i></li> <li>ii. Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan;  <i>Requires only a modicum of additional information;</i></li> <li>iii. Hanya memerlukan penjelasan yang sedikit berhubung beberapa bahagian dalam teks;  <i>Requires only a small explanation regarding particular parts in the text;</i></li> <li>iv. Tidak memerlukan kerja ujikaji tambahan, pengumpulan data yang baru atau penulisan semula yang banyak; dan  <i>Does not require additional experimental work, new data collection or major rewriting; and</i></li> <li>v. Tidak banyak perubahan pada rumusan apabila ditulis semula.  <i>Does not contain many changes in the revised conclusion.</i></li> </ul> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Pemeriksa Dalam/ Luar sepetimana diputuskan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis semasa Viva Voce.  <i>The verification of the thesis corrections needs to be done by the Internal/ External examiner as decided by the Thesis Examination Committee during Viva Voce.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah tiga (3) bulan.  The maximum period for corrections is three (3) months.</p>
---	---

<p><b>Lulus dengan pembetulan sederhana</b> <b><i>Pass with Moderate Corrections</i></b></p>	<p><b>Lulus dengan Pembetulan Sederhana</b> <b><i>Pass with Moderate Corrections</i></b></p> <p>Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana tertakluk kepada pembetulan kepada tesis seperti yang dinyatakan dalam Laporan Pemeriksaan Tesis. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/ Master's degree subject to corrections to the thesis as stated in the Thesis Examination Report.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b></p> <p><b><i>This decision is made if the thesis:</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memerlukan jumlah penyuntingan yang sederhana pada teks, format jadual dan rajah, pembetulan tata bahasa, ejaan, kesilapan menaip dan lain-lain; <i>Requires moderate amount of editing of text, formatting of tables and diagrams, corrections of grammar, spelling, typographical conventions etcetera;</i></li> <li>ii. Memerlukan maklumat tambahan dengan jumlah sederhana; <i>Requires moderate amount of additional information;</i></li> <li>iii. Memerlukan analisis statistik tambahan, penulisan semula bahagian dalam tesis dan pengembangan sorotan kajian dengan jumlah yang sederhana; <i>Requires additional statistical analysis, rewriting moderate amount of parts of the thesis and the expansion of the literature review.</i></li> </ul> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Pemeriksa Dalam/ Luar sepetimana diputuskan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis semasa Viva Voce. <i>The verification of the thesis corrections needs to be done by the Internal/ External examiner as decided by the Thesis Examination Committee during Viva Voce.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah enam (6) bulan. <i>The maximum period for corrections is six (6) months.</i></p>
<p><b>Lulus dengan pembetulan besar</b> <b><i>Pass with Major Corrections</i></b></p>	<p><b>Lulus dengan Pembetulan Besar</b> <b><i>Pass with Major Corrections</i></b></p> <p>Calon dianugerah Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana tertakluk kepada pembetulan kepada tesis seperti yang dinyatakan dalam Laporan Pemeriksaan Tesis. <i>The candidate is awarded a Doctor of Philosophy/ Master's degree subject to corrections to the thesis as stated in the Thesis Examination Report.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b></p> <p><b><i>This decision is made if the thesis:</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memerlukan banyak suntingan teks, format jadual dan rajah, pembetulan</li> </ul>

	<p>tata bahasa, ejaan, kesilapan menaip dan lain-lain;  <i>Requires major editing of text, formatting of tables and diagrams, corrections of grammar, spelling, typographical conventions etcetera;</i></p> <p>iv. Memerlukan banyak maklumat tambahan;  <i>Requires a lot of additional information;</i></p> <p>v. Memerlukan analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan pengembangan sorotan kajian.  <i>Requires additional statistical analysis, rewriting major parts of the thesis and the expansion of the literature review.</i></p> <p>Pengesahan pembetulan tesis perlu dibuat oleh Pemeriksa Dalam/ Luar seputuskan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis semasa Viva Voce.  <i>The verification of the thesis corrections needs to be done by the Internal/ External examiner as decided by the Thesis Examination Committee during Viva Voce.</i></p> <p>Jangka masa maksimum untuk membuat pembetulan adalah Sembilan (9) bulan.  <i>The maximum period for corrections is nine (9) months.</i></p>
<b>Viva Voce Ulangan Re-Viva</b>	<p>Calon dibenarkan menyerah semula tesis untuk pemeriksaan semula selepas calon membuat pembetulan kepada tesis seperti dalam Laporan Pemeriksaan Tesis. Tesis perlu diperiksa semula dan calon perlu menghadiri Viva Voce ulangan.  <i>The candidate is allowed to submit the thesis for re-examination after he or she has made corrections to the thesis as stated in the Thesis Examination Report. The thesis needs to be re-examined and the candidate needs to attend another Viva Voce.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b>  <b>This decision is made if the thesis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas rumusan tesis;  <i>Has major weaknesses which affect the conclusions made in the thesis;</i></li> <li>ii. Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat bagi menambahbaik tesis untuk diserahkan semula;  <i>Has major weaknesses that can only be improved if additional works are done to enhance the quality of the thesis before submission;</i></li> <li>iii. Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan pengembangan sorotan kajian.  <i>Requires additional experimental work, additional statistical analysis, rewriting of a major part of the thesis and expansion of the literature review.</i></li> </ul> <p><b>(Keputusan Ini hanya boleh dibuat sekali (1) sahaja).</b> Ini bererti calon boleh menyerah tesis sebanyak dua (2) kali sahaja, dan Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis akan memberi keputusan Lulus/Gagal selepas Viva Voce ulangan.</p>

	<p><b>(This decision can be made once (1) only).</b> This means that a candidate can only submit the thesis twice (2), and the Committee of Thesis Examination will come up with 'pass' or 'fail' decision after the second Viva Voce.</p> <p>Pemeriksaan semula Viva Voce perlu dibuat oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis yang asal</p> <p><i>The re-examination of Viva Voce needs to be done by the original Thesis Examination Committee.</i></p> <p>Jangka masa untuk membuat pembetulan adalah <u>minimum</u> enam (6) bulan dan <u>maksimum</u> satu (1) tahun.</p> <p><i>The period for the corrections is minimum six (6) month and maximum one (1) year.</i></p>
<b>Gagal Fail</b>	<p>Calon tidak layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah/ Sarjana dan juga tidak dibenarkan untuk menyerah semula tesis.</p> <p><i>The candidate is not eligible to be awarded a Doctor of Philosophy/ Master's Degree and is not allowed to resubmit the thesis for examination.</i></p> <p><b>Keputusan ini dibuat jika tesis:</b></p> <p><b><i>This decision is made if the thesis:</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembetulan tidak dapat meningkatkan tahap tesis ini kepada piawaian yang ditetapkan; atau</li> </ul> <p><i>Has major weaknesses that additional works or corrections to be done are still insufficient to enhance the quality of the thesis to the required standard; or</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Mempunyai kelemahan yang tidak dapat diperbaiki; atau</li> </ul> <p><i>Has weaknesses that cannot be improved; or</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Mempunyai kajian yang tidak mencukupi dengan tahap pengajian.</li> </ul> <p><i>The research carried out is insufficient for the level of study.</i></p> <p>s</p>

## 8.0 Rayuan Keputusan

- 8.1 Keputusan peperiksaan adalah muktamad. Pelajar tidak berhak membuat rayuan terhadap keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah (JPS) yang dibuat berdasarkan laporan daripada Jawatankuasa Pemeriksa.

## **Lampiran 1**

### **Tugas dan Tanggungjawab Pengerusi Peperiksaan Lisan**

- 1.0 Pengerusi adalah dipilih dari kalangan staf akademik yang berkelayakan untuk mewakili Universiti bagi mengesahkan peperiksaan lisan berjalan seperti yang ditetapkan. Beliau tidak boleh mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut dan mempengaruhi keputusan Panel Pemeriksa.
- 2.0 Tanggungjawab utama Pengerusi ialah sebagai “moderator” untuk memastikan satu penyelesaian yang terbaik dapat dicapai sekiranya berlaku sebarang percanggahan pendapat sepanjang perjalanan peperiksaan lisan. Secara umumnya, tanggungjawab Pengerusi boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:
  - 2.1 Sebelum Peperiksaan Lisan
    - 2.1.1 Berbincang dengan Pemeriksa untuk mencapai kata sepakat mengenai prosedur perjalanan peperiksaan lisan seperti aliran aktiviti (persembahan, sesi soal-jawab dll), jangka masa yang diperuntukan, soalan-soalan yang sesuai dan tidak sesuai dikemukakan dan lain-lain.
    - 2.1.2 Menjemput pelajar serta memperkenalkan pelajar secara ringkas kepada Panel Pemeriksa.
    - 2.1.3 Memperkenalkan Pemeriksa kepada pelajar.
    - 2.1.4 Menerangkan kepada pelajar prosedur perjalanan peperiksaan lisan iaitu aliran aktiviti jangka masa yang diperuntukan.
  - 2.2 Semasa Peperiksaan Lisan
    - 2.2.1 Memastikan suasana peperiksaan lisan berjalan dalam keadaan kondusif di mana pelajar diberi peluang untuk menjawab soalan Pemeriksa dalam keadaan tidak tertekan.
    - 2.2.2 Memastikan setiap Pemeriksa berpeluang untuk mengemukakan soalan kepada pelajar dan soalan-soalan yang relevan sahaja dikemukakan.
    - 2.2.3 Mencari kata sepakat sekiranya berlaku percanggahan pendapat semasa perjalanan peperiksaan lisan serta menghubungi Pusat Pengajian Siswazah sebagai Urusetia Peperiksaan Lisan sekiranya timbul masalah untuk penjelasan di sepanjang sesi peperiksaan berjalan.
    - 2.2.4 Mencatatkan perjalanan peperiksaan lisan di dalam borang yang disediakan.
  - 2.3 Selepas Peperiksaan Lisan
    - 2.3.1 Menjemput pelajar untuk meninggalkan bilik peperiksaan lisan bagi perbincangan antara Pemeriksa dan Pengerusi.

- 2.3.2 Berbincang bersama Pemeriksa untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab terhadap penyemakan tesis selepas pembetulan sekiranya perlu.
- 2.3.3 Menjemput pelajar ke bilik viva voce dan memaklumkan kepada pelajar keputusan viva voce serta tindakan lanjut pelajar iaitu pembetulan yang perlu dibuat, tempoh masa mengemukakan semula tesis ke Pusat Pengajian Siswazah.
- 2.3.4 Melapor perjalanan peperiksaan dan membuat pengesahan kepada dokumen laporan bersama yang ditandatangani oleh semua Panel Pemeriksa.
- 2.3.5 Mengesahkan sebarang dokumen tuntutan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam untuk diproses oleh Pusat Pengajian Siswazah.
- 2.3.6 Memberi laporan kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasaran Siswazah. Laporan Pengerusi perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. Keputusan peperiksaan lisan;
  - ii. Tempoh pembetulan tesis, sekiranya berkaitan;
  - iii. Bentuk pembetulan yang diperlukan;
  - iv. Pihak yang bertanggungjawab untuk memeriksa semula tesis (sila rujuk perkara 7.2, yang mana berkaitan).

## **Lampiran 2**

### **Tugas dan Tanggungjawab Pemeriksa**

- 1.0 Tugas seseorang Pemeriksa ialah memberi pertimbangan sama ada tesis yang ditulis dan dibentangkan oleh pelajar memenuhi standard akademik yang tertentu.
- 2.0 Tugas dan tanggungjawab Pemeriksa adalah untuk memberi laporan kepada Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah (JPS).
- 3.0 Penyelia tidak boleh menjadi Pemeriksa bagi pelajarnya sendiri.

### **4.0 Laporan Tentang Tesis**

- 4.1 Laporan penilaian hendaklah terperinci untuk membolehkan Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah (JPS) menilai bidang dan mutu kerja yang dihantar oleh pelajar.
- 4.2 Apabila memeriksa hasil kerja untuk Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, Pemeriksa hendaklah memberi perhatian kepada bukti-bukti berhubung dengan latihan dan penggunaan kaedah penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang kajian dilakukan dan hendaklah memberi pertimbangan kepada bukti keaslian dan kuasa mengkritik yang tersendiri oleh pelajar berkenaan. Tesis mestilah memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu, mengandungi hasil kerja yang asli dan bermanfaat untuk diterbitkan. Penulisannya mestilah memuaskan dan tesis tersebut hendaklah jelas dan padat. Pelajar mestilah membuktikan kepada Pemeriksa bahawa dia betul-betul menguasai bidang pengetahuan yang berkaitan dengan subjek penyelidikannya.
- 4.3 Apabila memeriksa hasil kerja untuk pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, Pemeriksa hendaklah memberi perhatian kepada bukti-bukti berhubung dengan latihan dan penggunaan kaedah penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang kajian yang dilakukan. Pelajar hendaklah membuktikan kepada Pemeriksa bahawa dia betul-betul menguasai bidang pengetahuan yang diterbitkan dan berkaitan dengan subjek penyelidikannya. Penulisannya mestilah memuaskan dan disertasi berkenaan hendaklah jelas dan padat.

### **5.0 Peperiksaan Lisan**

- 5.1 Peperiksaan lisan untuk Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan biasanya dibuat di dalam Universiti dan dihadiri oleh semua Pemeriksa. Dalam kes tertentu, peperiksaan lisan boleh diadakan di luar Universiti, tetapi hendaklah dijalankan dalam suasana akademik.
- 5.2 Dalam kes Ijazah Sarjana (secara kerja kursus dan penyelidikan), peperiksaan lisan boleh diadakan. Jika diadakan, ia biasanya dijalankan di Universiti dan dihadiri oleh semua Pemeriksa.
- 5.3 Pemeriksa hendaklah berusaha membuat pelajar tidak gementar dan membicarakan tesis berkenaan bagi mencungkil kekuatan dan kelebihannya.

- 5.4 Pemeriksa boleh meminta maklumat daripada penyelia pelajar dan jika perlu penyelia berkenaan boleh dikehendaki hadir dalam peperiksaan lisan tersebut.

#### 6.0 **Kerahsiaan Laporan**

Laporan Pemeriksa adalah sulit dan terhad kepada Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah (bagi pihak Senat) sahaja. Keputusan penuh tentang kelulusan pelajar tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah dan Senat.